

PASCA PRN

Kerajaan boleh tumbang sebab kalah PRN ke?



Apa yang jadi sekiranya pembangkang menang bersih?

- Banyak ura-ura yang mengatakan sekiranya Perikatan Nasional menang di keenam-enam negeri ini, maka kerajaan akan bertukar.
- **Sebenarnya**, PRN kali ini tiada kaitan dengan kedudukan kerajaan pusat biarpun gabungan pembangkang menang bersih di enam negeri yang bakal menjalankan PRN tidak lama lagi.
- **Antara faktor kerajaan tidak mungkin bubar adalah kerana** kesemua Ahli Parlimen telahpun terikat dengan **Akta Lompat Parti** yang melarang mereka daripada lompat parti secara individu.
- **Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 (Akta A1663) ini telahpun** berkuatkuasa sejak 5 Oktober 2022 walaupun masih terdapat beberapa negeri yang belum melaksanakannya.

- Selain itu, keputusan PRN sama sekali tidak mengganggu kedudukan kerajaan memandangkan **tiada sebarang peruntukan di dalam Perlembagaan yang menyatakan sedemikian.**

"Tiada peruntukan Perlembagaan keputusan PRN boleh ubah Kerajaan Persekutuan"


Datuk Seri Azalina Othman Said
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

Apa yang membolehkan kerajaan bubar?

#01 Perdana Menteri dengan sukarela meletak jawatan selepas PRN yang akan datang.

#02 Pembangkang membuat usul 'Undi Tak Percaya' terhadap Perdana Menteri di dalam Dewan Rakyat. Maka, Perdana Menteri perlu meletak jawatan sekiranya beliau telah hilang kepercayaan majoriti daripada Ahli Dewan Rakyat.

#03 Jika dicetuskan Pilihan Raya Kecil, sama ada melalui peletakan jawatan ahli parlimen atau sebaliknya, menyebabkan 'majoriti mudah' baru terbentuk.



Keputusan pilihan raya negeri tidak langsung menggugat kestabilan kerajaan persekutuan. Namun, masih terdapat pelbagai mekanisme yang mungkin berpotensi mencetuskan yang lain krisis politik. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah negara mengangkat agenda demokrasi, **mandat daripada rakyat harus diutamakan.**